

JPN PERAK

2020

Modul#learning@home

SEJARAH-K1

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

We Deliver

TINGKATAN

4



BAB 6 : ANCAMAN KOMUNIS & PERISYTIHARAN DARURAT

1 Penyataan berikut berkaitan dengan ideologi utama dunia.

Suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang penggunaan sendiri milik negara.

Siapakah individu yang mengasaskan ideologi berkenaan ? **ms146**

I Friedrich Engles

II Aurhur Walker

III Edward Gent

IV Karl Marx

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

2 Dari negara manakah fahaman Komunis disembarkan ke Tanah Melayu ? **ms146**

I Rusia

II China

III Indonesia

IV German

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

3 Ilustrasi berikut berkaitan dengan individu penting di Tanah Melayu pada tahun 1920.



Apakah peranan individu di atas ? **ms146**

- A Menyebarkan fahaman Komunis
- B Menyokong tindakan British
- C Membantu perjuangan Jepun
- D Mempertahankan Tanah Melayu

Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah parti politik di Tanah Melayu.

- Bekerjasama dengan British memerangi Jepun
- Membentuk Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA)

4 Apakah pertubuhan yang berkaitan dengan pernyataan di atas ? **Ms 147**

- A Kesatuan Melayu Muda (KMM)
- B Parti Komunis Malaya (PKM)
- C Kesatuan Melayu Singapura (KMS)
- D Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)

5 Apakah peristiwa yang membawa kepada pengisytiharan darurat oleh Sir Edward Gent di Tanah Melayu pada 1948 ? **ms148**

- A Pengeboman laluan kereta api milik British

- B Pembunuhan Pesuruhjaya Tinggi British
- C Pengeboman pejabat kerajaan milik Eropah
- D Pembunuhan tiga orang pegawai ladang Eropah
- 6 Mengapakah lombong bijih timah dan ladang getah British di Tanah Melayu menjadi sasaran serangan komunis pada 1948 hingga 1956? **ms149**
- A Merosakkan infrastruktur utama
- B Melemahkan rakyat tempatan
- C Mengurangkan sumber eksport
- D Melumpuhkan ekonomi penjajah
- 7 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Komunis untuk melumpuhkan ekonomi British di Tanah Melayu ? **ms149**
- A Membunuh pegawai kerajaan
- B Menjatuhkan mata wang
- C Merosakkan pokok getah
- D Mengancam pasukan keselamatan
- 8 Jadual berikut menunjukkan statistik orang awam yang terbunuh, tercedera dan hilang akibat kekejaman Komunis antara tahun 1948 hingga 1960.

Terbunuh	Tercedera	Hilang	Jumlah
2473	1385	810	4668

Sumber: Ramlah Adam, 2014. *Pahlawan Tegar Merdeka*.
Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Apakah punca situasi di atas ? **ms150**

- A Bersubahat dengan Komunis
- B Bekerjasama dengan British
- C Meminta bantuan negara jiran
- D Membakar lombong bijih timah

9 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Komunis terhadap Sir Henry Gurney sehingga membawa kematian Pesuruhjaya Tinggi British itu ? **ms150**

- A Penculikan bersenjata
- B Tembakan rambang
- C Mengebom pejabat
- D Serangan hendap

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Melemahkan ekonomi• Memusnahkan infrastruktur• Menggugat keamanan |
|---|

10 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan komunis di Tanah Melayu.

Apakah matlamat yang ingin dicapai oleh komunis? **Ms 151**

- A Mengaut keuntungan ekonomi tempatan
- B Mewujudkan peraturan kerajaan baru
- C Mengukuhkan pengaruh negara luar
- D Menubuhkan sebuah kerajaan republik

11 Jadual menunjukkan beberapa siri serangan Komunis di Tanah Melayu pada 1948.

Tarikh Serangan	Tempat
17 Jun 1948	X
26 Jun 1948	Temerloh, Pahang

28 Jun 1948	Jerantut, Pahang
17 Julai 1948	Gua Musang, Kelantan

Apakah X ? **ms151**

- A Choh, Johor
- B Taiping, Perak
- C Kajang, Selangor
- D Ulu Semur, Kelantan

- 12 Maklumat berikut berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang darurat oleh British.

Mengharamkan PKM dan parti berfahaman radikal. Termasuk Awas, Ikatan Pembela Tanah Air (PETA), Pemuda Radikal Melayu (PERAM), PKMM dan Hizbul Muslimin.

Apakah yang dapat dipelajari daripada tindakan di atas ? **ms152**

- A Sukar mendapat bantuan daripada negara asing
- B Penubuhan parti menggugat keselamatan negara
- C Fahaman ekstrem akan membawa kesan negatif
- D Mengakibatkan kegawatan ekonomi serantau

- 13 Antara langkah British untuk menghalang kemaraan Komunis di Tanah Melayu adalah dengan penguatkuasaan undang-undang darurat.

Mengapakah undang-undang penting bagi sesebuah kerajaan? **ms152**

- A Melahirkan warga yang berdisiplin
- B Membentuk rakyat berbilang kaum

- C Mewujudkan jaringan ekonomi penduduk
- D Mengukuhkan lambang kedaulatan negara

14 Apakah tindakan yang diambil oleh British semasa Undang-Undang Darurat dikuatkuasakan di Tanah Melayu pada tahun 1948? **m.s 152**

- A Mengharamkan penubuhan parti politik
- B Mengetatkan undang-undang senjata api
- C Menubuhkan pasukan Askar Melayu
- D Memperkasakan gerakan Min Yuen

15 Pasukan berikut ditubuhkan pada tahun 1956 sebagai satu usaha menangani ancaman komunis di negara kita.

Senoi Praaq

Apakah tugas utama pasukan tersebut? **ms154**

- A Mengesan tempat persembunyian komunis di dalam hutan
- B Mempertahankan bandar dan kampung daripada serangan komunis
- C Mengawal ladang dan kawasan lombong daripada dirosakkan komunis
- D Menyamar sebagai komunis untuk mendapatkan maklumat tentang PKM

16 Maklumat berikut berkenaan dengan sebuah pasukan keselamatan yang ditubuhkan untuk membanteras Komunis.

Pasukan Keselamatan	Tugas
X	Pasukan kawalan kampung. Diberi latihan ketenteraan.

	Menyekat pergerakan bekalan makanan dan ubat-ubatan. Melindungi pekerja lombong bijih timah daripada serangan komunis.
--	---

Apakah X ? **ms155**

- A Cawangan Khas
- B Senoi Praaq
- C Home Guard
- D Auxiliary Police

17 Senarai berikut ialah pasukan keselamatan yang ditubuhkan bagi membanteras Komunis.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> • Polis Wanita • Home Guard Wanita |
|---|

Apakah rasional pembabitan wanita dalam pasukan di atas ? **ms153 & 155**

- A Kekurangan anggota keselamatan tempatan yang terlatih
- B Mempertahankan negara tanggungjawab bersama
- C Mengaburi mata pihak lawan semasa berperang
- D Kecekalan diri yang akan membawa kejayaan perjuangan

18 Di bawah Undang-Undang Darurat, apakah tindakan yang dilakukan oleh British bagi membezakan antara orang awam dengan komunis ? **ms156**

- A Menyeragamkan penggunaan mata wang
- B Memperkenalkan penggunaan kad pengenalan
- C Membuka pendaftaran parti kepada penduduk
- D Menempatkan penduduk di kawasan bandar

19. Dialog di bawah mungkin berlaku pada zaman darurat di Tanah Melayu


Pegawai British: Tuan, kita menghadapi kesukaran untuk membanteras ancaman komunis kerana mereka mendapat bantuan daripada Min Yuen.

Pesuruhjaya Tinggi British: Jika begitu, saya akan arahkan Sir Harold Briggs untuk menangani masalah ini.

Bagaimanakah Sir Harold Briggs menyelesaikan masalah tersebut? **m.s 157**

- A Mengisytiharkan akta darurat
- B Melancarkan segera perang saraf
- C Memperkenalkan tawaran pengampunan
- D Melaksanakan kawasan penempatan semula

20 Rajah berikut merujuk kepada rancangan Sir Gerald Templer dalam usaha menangani ancaman komunis di Tanah Melayu?



Apakah X? **m.s 152-160**

- A Mewujudkan Kampung Baru
- B Membawa masuk tentera Komanwel
- C Memperkenalkan Kawasan hitam dan putih
- D Menguatkuasa sistem pendaftaran kebangsaan

21 Pada tahun 1952, Sir Gerald Templer telah melancarkan kempen memenangi hati dan fikiran rakyat.

Apakah tindakan beliau untuk mencapai matlamat tersebut? **m.s 159-160**

- A Melaksanakan perintah berkurung
- B Memperkenalkan kad pengenalan
- C Menyokong gerakan Min Yuen
- D Memajukan perkhidmatan penerangan

22 Pernyataan di bawah adalah berkaitan dengan rancangan yang telah dilaksanakan oleh British di Tanah Melayu semasa penguatkuasaan Undang-Undang Darurat .

- Penduduk di pinggir hutan dipaksa berpindah ke Kampung Baru
- Penempatan dilengkapi dengan kemudahan asas
- Penempatan dipagari dengan kawat berduri.

Bagaimanakah rancangan di atas berjaya melemahkan pergerakan komunis? **m.s 157**

- A Melumpuhkan gerakan Min Yuen
- B Memudahkan British menyerang komunis
- C Menaikkan semangat pasukan keselamatan
- D Membolehkan kerajaan menangkap komunis

23 Pada 22 Disember 1949, Majlis Perundangan Persekutuan mengisytiharkan kempen "Bulan Rakyat Melawan Penjahat".

Apakah kesan daripada kempen tersebut? **m.s 158**

- A Menggalakkan interaksi antara kaum
- B Ramai anggota komunis menyerah diri
- C Ancaman komunis berjaya ditamatkan
- D Perang Saraf telah ditangguhkan

24 Gambar berikut merupakan rundingan antara wakil kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan wakil Parti Komunis Malaya (PKM) di Baling, Kedah.



Mengapakah rundingan tersebut gagal? **m.s 160.**

- A PKM meminta supaya perintah berkurung ditamatkan.
- B PKM tidak bersetuju dengan syarat tawaran pengampunan
- C PKM hanya berniat untuk mendapatkan kebebasan berpolitik
- D PKM tidak percaya Parti Perikatan sedang berusaha mencapai kemerdekaan

25 Darurat memberikan kesan jangka panjang terhadap negara kita dari aspek politik.
Apakah kesan tersebut? **m.s 161**

- A Merenggangkan hubungan kaum
- B Meningkatkan kos perbelanjaan
- C Melambatkan proses kemerdekaan
- D Meningkatkan jumlah warganegara

26 Malayan Chinese Association (MCA) telah ditubuhkan untuk membantu British memerangi komunis?

Apakah bentuk bantuan tersebut? **m.s 161**


- A Bantuan kewangan
- B Bantuan perubatan
- C Bantuan makanan

D Bantuan ketenteraan

27 Mengapakah penubuhan Malayan Chinese Association penting kepada masyarakat Cina di Tanah Melayu semasa zaman darurat ? **m.s 161**

- A Memajukan ekonomi mereka
- B Meningkatkan bilangan mereka
- C Memperbaiki kehidupan mereka
- D Memperkukuh kedudukan mereka

28 Maklumat berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu dalam tempoh darurat.



Apakah iktibar yang boleh diambil daripada peristiwa di atas? **m.s 161**

- A Kejayaan memerlukan pengorbanan
- B Perpaduan kunci kejayaan
- C Waspada muslihat musuh
- D Berani kerana benar

29 Mengapakah kerajaan membelanjakan sebanyak \$250 ribu hingga \$300 ribu sehari untuk pertahanan negara antara tahun 1948 hingga tahun 1960 ? **m.s 162**

- A Menamatkan konfrontasi
- B Membendung rusuhan kaum
- C Menghapuskan kegiatan lanun
- D Membanteras ancaman komunis

30 Peristiwa darurat telah meninggalkan banyak kesengsaraan kepada rakyat di Tanah Melayu.ms 148

Apakah kesengsaraan tersebut?

- I Bekerja secara paksa
 - II Bekalan makanan dicatu
 - III Kegiatan harian disekat
 - IV Kelas pengajian dilarang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SKEMA JAWAPAN BAB 6, T4 KSSM

NO. SOALAN	JAWAPAN
1	B
2	C
3	A

NO. SOALAN	JAWAPAN
11	A
12	C
13	A

NO. SOALAN	JAWAPAN
21	D
22	A
23	A

4	B
5	D
6	D
7	C
8	B
9	D
10	D

14	B
15	A
16	C
17	B
18	B
19	D
20	C

24	C
25	D
26	A
27	C
28	B
29	D
30	C